



 Utama	Profil Kementerian ▾	Piagam Pelanggan	Hubungi Kami ▾	
---	----------------------	------------------	----------------	--

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Utusan Malaysia - Bukti Ekonomi Negara Terus Makmur

Utusan Malaysia - Bukti Ekonomi Negara Terus Makmur

🕒 Khamis, Mei 25 2017



 BISNES

 AGENSI

 WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Bukti ekonomi negara terus makmur

"SIAPA kata ekonomi Malaysia tidak baik. Lihat betapa ramainya orang Malaysia yang keluar negara." Demikian luahan seorang rakan kepada penulis tatkala melihat barisan panjang rakyat Malaysia di kaunter pelepasan imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), minggu lalu.

Ketika itu, penulis dan rakan berkenaan dalam perjalanan ke Vietnam bagi meninjau projek pembangunan hartanah yang dilaksanakan oleh syarikat hartanah negara, Gamuda Land.

Meskipun berbaris panjang, kecekapan pihak imigresen dibantu pelaksanaan sistem berkomputer telah melancarkan perjalanan kami, warga Malaysia yang lain dan pelancong asing yang ingin keluar.

Setiba di Ho Chi Minh City, penulis dapat menyaksikan betapa ramainya rakyat Malaysia di bandar tersebut yang kebanyakannya datang untuk membeli-belah.

"Bang masuk dulu, murah-murah," sapa seorang peniaga di pasar malam Ben Thanh mempelawa kami melihat barangan yang dijual. Kelihatan sekumpulan rakyat Malaysia begitu tekun memilih pelbagai jenis barangan khususnya kain



Dekak-dekak

YULPISMAN ASLI

dan tudung.

Sungguh mengagumkan, 'kebanjiran' rakyat Malaysia di Ho Chi Minh City bukan sahaja membantu mengembangkan ekonomi setempat, tetapi juga mengantarabangsakan bahasa Melayu dalam kalangan peniaga tempatan.

Penulis kemudiannya berangkat ke Hanoi dan suasana hampir sama dapat dilihat di beberapa kawasan yang menjadi tumpuan pelancong untuk membeli-belah.

Sekembali ke tanah air, suasana sibuk rakyat Malaysia pulang dari perantauan dapat dilihat di ruang ketibaan kaunter imigresen di KLIA. Persoalan yang timbul di fikiran penulis dan rakan tersebut ialah, dari mana mereka ini?

Apa yang pasti, setiap pergerakan mereka di luar negara bukanlah percuma. Ini membuktikan taraf hidup sebahagian rakyat Malaysia yang semakin baik, sehingga mereka mampu ke luar negara untuk

pelbagai tujuan.

Mereka ini adalah terjemahan daripada perkembangan mampan ekonomi Malaysia yang tumbuh sekitar 5.6 peratus pada suku pertama tahun ini berbanding 4.2 peratus tempoh sama sebelumnya, sebagaimana dilaporkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) Jumaat lalu.

Hakikatnya, pertumbuhan kukuh ekonomi Malaysia yang mengatasi jangkaan banyak penganalisis, membolehkan rakyat Malaysia menikmati taraf kehidupan jauh lebih baik berbanding dahulu, sehingga mampu 'terbang' keluar negara.

Mengambil kira pencapaian suku yang lepas, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang lebih baik dalam tempoh akan datang, dengan rata-rata firma penyelidikan menaikkan unjuran ke atas pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) negara pada tahun ini.

Perkembangan ini bakal menyaksikan lebih ramai rakyat Malaysia berbaris panjang di kaunter pelepasan dan ketibaan imigresen di KLIA. Rakyat Malaysia pastinya terus menikmati kehidupan yang lebih baik hasil daripada pelbagai program transformasi ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan.

UTUSAN